



12 Jun 2015  
12 June 2015  
P.U. (A) 119

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN JADUAL 5, 6, 7 DAN 8) 2015

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT OF  
SCHEDULES 5, 6, 7 AND 8) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN JADUAL 5, 6, 7 DAN 8) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 380 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6, 7 dan 8) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2015.

**Pindaan Jadual 5**

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan Jadual 5 dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL 5

[Subseksyen 212(8)]

*Cadangan yang tidak menghendaki kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan*

Kategori transaksi yang tidak tertakluk kepada kehendak subseksyen 212(2), (3), (4) dan (6), dan perenggan 212(5)(a).

**Bahagian 1**

**Cadangan di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar**

1. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli:

(a) sekuriti kecuali syer, kepada orang yang ditentukan dalam Bahagian I Jadual 6 atau 7; atau

(b) debentur atau sukuk khusus kepada orang di luar Malaysia,

dengan syarat penyediaan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti itu, mematuhi Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar yang ditentukan oleh Suruhanjaya, termasuk kehendak yang berhubungan dengan penyerahsimpanan dokumen dan maklumat, pembayaran fi dan tempoh masa.

## **Bahagian 2**

### **A. Sekuriti**

#### **Am**

2. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan sekuriti, atau penawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti, berhubung dengan—

(a) penyenaian atau sebut harga sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara di pasaran saham suatu bursa saham;

(b) penyenaian atau sebut harga sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011 [*Akta 721*];

(c) penyenaian dan sebut harga waran berstruktur di pasaran saham suatu bursa saham, dengan syarat bahawa penerbit waran berstruktur itu mematuhi kehendak kelayakan yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

- (d) suatu perolehan atau pelupusan aset yang menyebabkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran alternatif bursa saham kecuali jika perolehan atau pelupusan itu dijalankan berhubung dengan perenggan 212(2)(b);
- (e) pelupusan aset yang menyebabkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran utama bursa saham yang bukan sebahagian daripada apa-apa cadangan lain yang menghendaki kelulusan daripada Suruhanjaya; atau
- (f) penyenaian dan sebut harga sekuriti suatu perbadanan di pasaran saham yang disebabkan oleh aktiviti penstrukturan semula yang melibatkan pemindahan status penyenaian suatu perbadanan kepada perbadanan yang pertama disebut itu kecuali jika ia membentuk sebahagian daripada cadangan yang tergolong di bawah perenggan 212(2)(d) atau subseksyen 212(3).
3. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan sekuriti, atau tawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti, jika suatu perbadanan yang syernya tersenarai di bursa saham mengagihkan sekuriti yang dipegang olehnya dalam perbadanan lain atau suatu skim unit amanah kepada anggotanya sendiri.
4. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—
- (a) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara;
- (b) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh mana-mana Kerajaan Negeri;

- (c) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011;
  - (d) sekuriti suatu syarikat kepada anggota sedia ada syarikat itu mengikut pengertian seksyen 270 Akta Syarikat 1965;
  - (e) sekuriti mana-mana entiti yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan—
    - (i) khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia; atau
    - (ii) kepada entiti lain yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan.
5. Pelawaan atau tawaran untuk menaja jamin atau menaja jamin kecil sekuriti menurut suatu perjanjian penajajaminan berhubung dengan penyenaian dan sebut harga sekuriti di pasaran saham suatu bursa saham.
6. Penerbitan atau penguntukan sekuriti kepada penaja jamin atau penaja jamin kecil menurut suatu perjanjian penajajaminan berhubung dengan penyenaian dan sebut harga sekuriti di pasaran saham suatu bursa saham.

### **Syer**

7. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan syer, atau tawaran bagi langganan atau pembelian syer, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer, yang berhubung dengan penyenaian atau sebut harga syer suatu perbadanan di pasaran alternatif bursa saham.
8. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—

- (a) syer suatu syarikat persendirian;
- (b) syer suatu syarikat awam yang syernya tidak tersenarai di bursa saham dan tidak memohon supaya syernya disenaraikan di pasaran utama bursa saham;
- (c) syer suatu perbadanan asing yang syernya tersenarai di suatu bursa saham di luar Malaysia menurut—
  - (i) suatu skim syer pekerja atau skim opsiyen syer pekerja;
  - (ii) suatu terbitan bonus;
  - (iii) suatu pengagihan syer sebagai ganti kepada dividen;
  - (iv) suatu terbitan hak;
  - (v) penjalanan waran, opsiyen atau hak melanggan boleh pindah, pengubahan nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran nota boleh tukar;
  - (vi) hak berkenaan dengan waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;
  - (vii) pembahagian kecil atau penyatuan syer; atau
  - (viii) mana-mana aktiviti korporat lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) syer yang dipegang oleh suatu perbadanan asing yang syernya tersenarai di suatu bursa saham di luar Malaysia menurut pembahagian syer sebagai ganti kepada dividen;
- (e) syer menurut suatu tawaran pengambilalihan suatu perbadanan asing;

- (f) syer suatu perbadanan asing yang syernya tidak tersenarai di bursa saham atau suatu bursa di luar Malaysia menurut—
- (i) suatu skim syer pekerja atau skim opsi syer pekerja;
  - (ii) suatu terbitan bonus;
  - (iii) suatu pengagihan syer sebagai ganti kepada dividen; atau
  - (iv) suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan;
- (g) syer yang tidak tersenarai di bursa saham atau suatu bursa di luar Malaysia kepada pemegang saham sedia ada atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377; dan
- (h) syer suatu perbadanan yang syernya tersenarai di suatu pasaran alternatif bursa saham selain cadangan yang tergolong di bawah perenggan 212(2)(b).
9. Berhubung dengan subseksyen 212(4), apa-apa cadangan untuk menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, di luar Malaysia, syer suatu syarikat awam atau suatu perbadanan yang syernya tersenarai di bursa saham, selain cadangan untuk menyenaraikan syernya di suatu bursa di luar Malaysia melalui—
- (a) tawaran awam awal; atau
  - (b) suatu penyenaian silang syer tersebut, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

10. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer, kecuali syer dalam suatu dana tertutup, yang tersenarai atau diluluskan untuk penyenaiaan dan sebut harga di bursa di luar Malaysia, kepada—
- (a) dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
  - (b) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;
  - (c) seseorang yang memperoleh syer, sebagai prinsipal, bagi balasan yang tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya;
  - (d) individu yang mempunyai jumlah bersih aset persendirian, atau jumlah bersih aset berse sama dengan pasangannya, melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing, tidak termasuk nilai kediaman utama individu itu;
  - (e) individu yang mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi tiga ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing setiap tahun dalam dua belas bulan sebelumnya;
  - (f) individu yang, berse sama dengan pasangannya, mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi empat ratus ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing setiap tahun dalam dua belas bulan sebelumnya;
  - (g) perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan akaun teraudit yang terakhir;
  - (h) perkongsian yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing;

(i) pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704];

(j) pemegang lesen bank Islam atau pemegang lesen takaful sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705]; atau

(k) mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

dengan syarat bursa saham itu ditentukan oleh Suruhanjaya dan pengagihan syer itu dibuat oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.

11. Berkenaan dengan suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran utama bursa saham, menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer menurut—

(a) perjalanan waran, opsiyen atau hak melanggan boleh pindah, pengubahan suatu nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran suatu nota boleh tukar;

(b) suatu hak berkenaan dengan waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;

(c) suatu pembahagian kecil atau penyatuan syer;

(d) suatu skim syer pekerja atau skim opsiyen syer pekerja;

(e) suatu terbitan bonus;

(f) suatu terbitan hak;

- (g) suatu perjalanan penempatan secara persendirian;
- (h) suatu pengagihan sebagai ganti kepada dividen;
- (i) suatu perolehan sekuriti atau aset yang tidak menyebabkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan itu; atau
- (j) mana-mana aktiviti korporat lain di bawah kaedah-kaedah bursa saham sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

kecuali jika ia membentuk sebahagian daripada cadangan di bawah perenggan 212(2)(d) atau subseksyen 212(3).

#### **Skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan**

12. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan oleh wakil diri, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset.
13. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan, atau tawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan berhubung dengan suatu perolehan atau pelupusan aset yang menyebabkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham selain amanah perniagaan.
14. Berkenaan dengan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham, penerbitan dan penyenaian

seterusnya dan sebut harga unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu di pasaran utama menurut terbitan bonus atau terbitan hak.

### **Debentur dan sukuk**

15. Menjadikan tersedia, menawarkan untuk langganan atau pembelian, atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur atau sukuk oleh suatu perbadanan kepada perbadanan yang berhubungan dengannya jika debentur atau sukuk itu mengandungi terma yang melarang pemindahan debentur atau sukuk, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang lain.
16. Dalam hal syarikat awam yang debenturnya atau sukuknya telah diluluskan oleh Suruhanjaya, cadangan penyenaaraian debentur atau sukuk itu di bursa saham di luar Malaysia.
17. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan syer atau tawaran bagi langganan atau pembelian syer, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli syer, berhubung dengan suatu perolehan atau pelupusan aset yang menyebabkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang hanya debenturnya atau sukuknya tersenarai di pasaran saham bursa saham.
18. Semua transaksi sekunder debentur atau sukuk.

### **B. Derivatif**

19. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—
  - (a) derivatif yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara;

- (b) derivatif yang diterbitkan atau dijamin oleh mana-mana Kerajaan Negeri;
  - (c) derivatif yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011;
  - (d) derivatif mana-mana entiti yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan—

    - (i) khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia; atau
    - (ii) kepada entiti lain yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan.
20. Menjadikan tersedia, menawarkan untuk langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, atau berniaga dalam, derivatif melalui kaunter jika—
- (a) derivatif melalui kaunter itu dicadangkan untuk disediakan, ditawarkan untuk langganan atau pembelian kepada;
  - (b) pelawaan untuk melanggan atau membeli derivatif melalui kaunter itu dibuat kepada; atau
  - (c) perniagaan dalam derivatif melalui kaunter itu melibatkan,
- orang yang ditentukan dalam Bahagian I Jadual 6 atau 7.”.

**Pindaan Jadual 6**

3. Jadual 6 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan 1 perenggan yang berikut:

“1A. Tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada Bank Negara.”;

(b) dalam perenggan 17, dengan menggantikan perkataan “sekuriti” dengan perkataan “syer”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 24 perenggan yang berikut:

“24A. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat oleh atau kepada Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011.”;

(d) dengan menggantikan perenggan 28 dengan perenggan yang berikut:

“28. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan asing atau suatu skim unit amanah asing yang diterima masuk ke bursa saham di luar Malaysia yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya, yang dibuat kepada pemegang sekuriti sedia ada bagi perbadanan asing atau skim unit amanah asing itu melalui terbitan hak, dengan syarat bahawa tawaran atau pelawaan itu disertakan dengan prospektus atau dokumen penzahiran yang diluluskan atau didaftarkan oleh, atau diserahkan dengan, pihak berkuasa penyelia asing perbadanan asing atau skim unit amanah asing itu.”; dan

(e) dengan memasukkan selepas perenggan 29 perenggan yang berikut:

“30. Suatu tawaran atau pelawaan jika tiada balasan (sama ada secara tunai atau selainnya) diberikan atau akan diberikan untuk tawaran atau pelawaan itu.”.

### **Pindaan Jadual 7**

4. Jadual 7 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan 8 perenggan yang berikut:

“8A. Suatu terbitan yang dibuat kepada Bank Negara.”;

(b) dalam perenggan 17, dengan menggantikan perkataan “sekuriti” dengan perkataan “syer”;

(c) dalam perenggan 28, dengan menggantikan perkataan “sekuriti yang opsyen, waran atau hak langganan yang boleh dipindahkan itu diubah ialah sekuriti yang tersenarai” dengan perkataan “syer yang nota yang diubah itu ialah syer tersenarai”;

(d) dengan menggantikan perenggan 29 dengan perenggan yang berikut:

“29. Suatu terbitan berkenaan dengan syer, atau unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang diterbitkan untuk menjelaskan dividen atau pengagihan yang kena dibayar oleh penerbit kepada pemegang syer atau unit sedia ada yang diterbitkan menurut suatu prospektus.”;

(e) dengan menggantikan perenggan 31 dengan perenggan yang berikut:

“31. Suatu terbitan bonus sekuriti yang dibuat oleh suatu perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan.”;

(f) dengan menggantikan perenggan 32 dengan perenggan yang berikut:

“32. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan asing atau skim unit amanah asing yang sekuritinya atau mana-mana kelas sekuritinya diterima masuk ke bursa di luar Malaysia yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang dibuat kepada pemegang sekuriti sedia ada bagi perbadanan asing atau skim unit amanah asing itu melalui terbitan hak, dengan syarat terbitan itu disertakan dengan prospektus atau dokumen penzahiran yang diluluskan atau didaftarkan oleh, atau diserahkan dengan, pihak berkuasa penyelia asing perbadanan asing atau skim unit amanah asing itu.”;

(g) dengan menggantikan perenggan 33 dengan perenggan yang berikut:

“33. Suatu terbitan sekuriti jika tiada balasan (sama ada secara tunai atau selainnya) diberikan atau akan diberikan untuk tawaran sekuriti itu.”;

(h) dengan memasukkan selepas perenggan 33 perenggan yang berikut:

“34. Suatu terbitan yang dibuat oleh atau kepada Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011.

35. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan yang dibuat kepada pemegang sekuriti sedia ada perbadanan itu melalui suatu terbitan hak yang tidak boleh

dilepaskan atau suatu terbitan hak yang boleh dilepaskan yang memihak kepada pemegang sekuriti sedia ada itu sahaja.”.

**Pindaan Jadual 8**

5. Jadual 8 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 5, dengan menggantikan perkataan “dagangan” dengan perkataan “transaksi”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 13 perenggan yang berikut:

“14. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh atau kepada Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011.”.

**Permohonan untuk kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan yang belum selesai**

6. Suatu permohonan untuk kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan bagi apa-apa cadangan untuk menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa produk pasaran modal di bawah Bahagian 1 Jadual 5 yang dimasukkan oleh Perintah ini, yang belum selesai sebaik sebelum tarikh kuat kuasa Perintah ini hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan untuk kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan masing-masing di bawah Penggal 1A atau 3A Bahagian VI Akta.

Dibuat 1 Jun 2015

[KK/SID/P/(S)/483/669/4(2); PN(PU2)662/IX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES  
(AMENDMENT OF SCHEDULES 5, 6, 7 AND 8) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by section 380 of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Capital Markets and Services (Amendment of Schedules 5, 6, 7 and 8) Order 2015**.

(2) This Order comes into operation on 15 June 2015.

**Amendment of Schedule 5**

2. The Capital Markets and Services Act 2007, which is referred to as the “principal Act” in this Order, is amended by substituting for Schedule 5 the following Schedule:

“SCHEDULE 5

[Subsection 212(8)]

*Proposals not requiring approval, authorization or recognition*

Categories of transactions not subject to the requirements of subsections 212(2), (3), (4) and (6), and paragraph 212(5)(a).

**Part 1**

**Proposal under Lodge and Launch Framework**

1. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase:

(a) securities except shares, to a person specified in Part I of Schedule 6 or 7;  
or

(b) debentures or sukuk exclusively to persons outside Malaysia,

provided that the making available of, offering for subscription or purchase of, or issuance of an invitation to subscribe for or purchase such securities, complies with the Lodge and Launch Framework as may be specified by the Commission, including requirements relating to lodgement of documents and information, payment of fees and timeline.

## **Part 2**

### **A. Securities**

#### **General**

2. Any proposal, scheme, transaction, arrangement or activity, or issuance of securities, or offer for subscription or purchase of securities, or issuance of an invitation to subscribe for or purchase securities, in relation to—

(a) the listing or quotation of securities issued or guaranteed by the Federal Government or Bank Negara on a stock market of the stock exchange;

(b) the listing or quotation of securities issued or guaranteed by the Corporation as defined in the International Islamic Liquidity Management Corporation Act 2011 [*Act 721*];

(c) the listing of and quotation for structured warrants on a stock market of the stock exchange, provided that the issuer of the structured warrants complies with eligibility requirements specified by the Commission;

- (d) an acquisition or disposal of assets which results in a significant change in the business direction or policy of a corporation whose shares are listed on the alternative market of the stock exchange except where such acquisition or disposal is carried out in conjunction with paragraph 212(2)(b);
  - (e) a disposal of assets which results in a significant change in the business direction or policy of a corporation whose shares are listed on the main market of the stock exchange that is not part of any other proposal that requires approval from the Commission; or
  - (f) the listing and quotation of securities of a corporation on a stock market as a result of a restructuring exercise involving a transfer of the listing status of a corporation to the first-mentioned corporation except where it forms part of a proposal falling under paragraph 212(2)(d) or subsection 212(3).
3. Any proposal, scheme, transaction, arrangement or activity, or issuance of securities, or offer for subscription or purchase of securities, or issuance of an invitation to subscribe for or purchase securities, where a corporation whose shares are listed on the stock exchange distributes securities that it holds in another corporation or a unit trust scheme to its own members.
  4. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase—
    - (a) securities issued or guaranteed by the Federal Government or Bank Negara;
    - (b) securities issued or guaranteed by any State Government;
    - (c) securities issued or guaranteed by the Corporation as defined in the International Islamic Liquidity Management Corporation Act 2011;



- (b) shares of a public company whose shares are not listed on the stock exchange and is not seeking for its shares to be listed on the main market of the stock exchange;
- (c) shares of a foreign corporation whose shares are listed on an exchange outside Malaysia pursuant to—

  - (i) an employee share or employee share option scheme;
  - (ii) a bonus issue;
  - (iii) a distribution of shares in lieu of dividends;
  - (iv) a rights issue;
  - (v) the exercise of a warrant, option or transferable subscription right, conversion of a convertible note or preference share, or the exchange of an exchangeable note;
  - (vi) an entitlement in respect of a warrant, option or right without consideration;
  - (vii) a subdivision or consolidation of shares; or
  - (viii) any other corporate exercise as may be specified by the Commission;
- (d) shares held by a foreign corporation whose shares are listed on an exchange outside Malaysia pursuant to a distribution of shares in lieu of dividends;
- (e) shares pursuant to a take-over offer of a foreign corporation;

- (f)* shares of a foreign corporation whose shares are not listed on the stock exchange or an exchange outside Malaysia pursuant to—

    - (i)* an employee share or employee share option scheme;
    - (ii)* a bonus issue;
    - (iii)* a distribution of shares in lieu of dividends; or
    - (iv)* a non-renounceable rights issue;
  - (g)* shares that are not listed on the stock exchange or an exchange outside Malaysia to their existing shareholders or any other person as may be specified by the Commission in any guideline issued under section 377; and
  - (h)* shares of a corporation whose shares are listed on the alternative market of the stock exchange other than a proposal falling under paragraph 212(2)(b).
9. In relation to subsection 212(4), any proposal to make available, offer for subscription or purchase of, or issue an invitation to subscribe for or purchase, outside Malaysia, shares of a public company or a corporation whose shares are listed on the stock exchange, other than a proposal to list its shares on an exchange outside Malaysia through—
- (a)* an initial public offering; or
  - (b)* a cross-listing of such shares, whether directly or indirectly.
10. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, shares, except shares in a closed-end

fund, that are listed or approved for listing and quotation on an exchange outside Malaysia, to—

- (a) a closed-end fund approved by the Commission;
- (b) a holder of a Capital Markets Services Licence;
- (c) a person who acquires shares, as principal, for a consideration of not less than two hundred and fifty thousand ringgit or its equivalent in foreign currencies for each transaction whether such amount is paid for in cash or otherwise;
- (d) an individual whose total net personal assets, or total net joint assets with his or her spouse, exceeds three million ringgit or its equivalent in foreign currencies, excluding the value of the primary residence of the individual;
- (e) an individual who has a gross annual income exceeding three hundred thousand ringgit or its equivalent in foreign currencies per annum in the preceding twelve months;
- (f) an individual who, jointly with his or her spouse, has a gross annual income exceeding four hundred thousand ringgit or its equivalent in foreign currencies per annum in the preceding twelve months;
- (g) a corporation with total net assets exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies based on the last audited accounts;
- (h) a partnership with total net assets exceeding ten million ringgit or its equivalent in foreign currencies;
- (i) a bank licensee or insurance licensee as defined in the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [Act 704];

- (j) an Islamic bank licensee or takaful licensee as defined in the Labuan Islamic Financial Services and Securities Act 2010 [Act 705]; or
- (k) any other person as may be specified by the Commission,

provided that such exchange is specified by the Commission and the distribution of such shares is made by a holder of a Capital Markets Services Licence who carries on the business of dealing in securities.

11. In respect of a corporation whose shares are listed on the main market of the stock exchange, making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, shares pursuant to—

- (a) the exercise of a warrant, option or transferable subscription right, conversion of a convertible note or preference share, or the exchange of an exchangeable note;
- (b) an entitlement in respect of a warrant, option or right without consideration;
- (c) a subdivision or consolidation of shares;
- (d) an employee share or employee share option scheme;
- (e) a bonus issue;
- (f) a rights issue;
- (g) a private placement exercise;
- (h) a distribution in lieu of dividends;

- (i) an acquisition of securities or assets that does not result in a significant change in the business direction or policy of that corporation; or
- (j) any other corporate exercise under the rules of the stock exchange as may be specified by the Commission,

except where it forms part of a proposal under paragraph 212(2)(d) or subsection 212(3).

### **Unit trust schemes and prescribed investment schemes**

12. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, units in a unit trust scheme or prescribed investment scheme by a personal representative, liquidator, receiver or trustee in bankruptcy or liquidation, as the case may be, in the normal course of realization of assets.
13. Any proposal, scheme, transaction, arrangement or activity, or issuance of, or offer for subscription or purchase of, or issuance of an invitation to subscribe for or purchase, units in a unit trust scheme or prescribed investment scheme in relation to an acquisition or disposal of assets which results in a significant change in the business direction or policy of a unit trust scheme or prescribed investment scheme that is listed on the main market of the stock exchange other than a business trust.
14. In respect of a unit trust scheme or prescribed investment scheme that is listed on the main market of the stock exchange, the issuance and subsequent listing and quotation of its units on the main market pursuant to a bonus issue or a rights issue.

### **Debentures and sukuk**

15. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, debentures or sukuk by a corporation to

its related corporation where such debentures or sukuk include a term that prohibits the transfer of such debentures or sukuk, as the case may be, to any other person.

16. In the case of a public company where its debentures or sukuk have been approved by the Commission, a proposal for the listing of the debenture or sukuk on an exchange outside Malaysia.
17. Any proposal, scheme, transaction, arrangement or activity, or issuance of shares, or offer for subscription or purchase of shares, or issuance of an invitation to subscribe for or purchase shares, in relation to an acquisition or disposal of assets which results in a significant change in the business direction or policy of a corporation where only its debentures or sukuk are listed on a stock market of the stock exchange.
18. All secondary transactions of debentures or sukuk.

**B. Derivatives**

19. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase—
  - (a) derivatives issued or guaranteed by the Federal Government or Bank Negara;
  - (b) derivatives issued or guaranteed by any State Government;
  - (c) derivatives issued or guaranteed by the Corporation as defined in the International Islamic Liquidity Management Corporation Act 2011;
  - (d) derivatives of any entity established or registered under the laws applicable in Labuan—

- (i) exclusively to persons in Labuan or outside Malaysia; or
  - (ii) to another entity established or registered under the laws applicable in Labuan.
20. Making available, offering for subscription or purchase of, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, or dealing in, over-the-counter derivatives where—
- (a) the over-the-counter derivative is proposed to be made available, offered for subscription or purchase to;
  - (b) an invitation to subscribe for or purchase the over-the-counter derivative is made to; or
  - (c) the dealing in the over-the-counter derivative involves,  
  
a person specified in Part I of Schedule 6 or 7.”.

### **Amendment of Schedule 6**

3. Schedule 6 to the principal Act is amended—
- (a) by inserting after paragraph 1 the following paragraph:  
  
“1A. An offer or invitation made to Bank Negara.”;
  - (b) in paragraph 17, by substituting for the word “securities” the word “shares”;
  - (c) by inserting after paragraph 24 the following paragraph:  
  
“24A. An offer or invitation made by or to the Corporation as defined in the International Islamic Liquidity Management Corporation Act 2011.”;

(d) by substituting for paragraph 28 the following paragraph:

“28. An offer or invitation in respect of securities of a foreign corporation or a foreign unit trust scheme having gained admission on an exchange outside Malaysia which is specified by the Commission, made to existing securities holders of such foreign corporation or such foreign unit trust scheme by means of a rights issue, provided that such offer or invitation has been accompanied by a prospectus or disclosure document approved or registered by, or lodged with, the foreign supervisory authority of such foreign corporation or foreign unit trust scheme.”; and

(e) by inserting after paragraph 29 the following paragraph:

“30. An offer or invitation where no consideration (whether in cash or otherwise) is or will be given for the offer or invitation.”.

#### **Amendment of Schedule 7**

4. Schedule 7 to the principal Act is amended—

(a) by inserting after paragraph 8 the following paragraph:

“8A. An issue made to Bank Negara.”;

(b) in paragraph 17, by substituting for the word “securities” the word “shares”;

(c) in paragraph 28, by substituting for the words “the securities to which the option, warrant or transferable subscription right converts into are listed securities” the words “the shares to which the note converts into are listed shares”;

(d) by substituting for paragraph 29 the following paragraph:

“29. An issue in respect of shares, or units in a unit trust scheme or prescribed investment scheme, whether inside or outside Malaysia, which are issued in satisfaction of dividends or distributions payable by the issuer to the holders of existing shares or units that were issued pursuant to a prospectus.”;

(e) by substituting for paragraph 31 the following paragraph:

“31. A bonus issue of securities made by a corporation, unit trust scheme or prescribed investment scheme.”;

(f) by substituting for paragraph 32 the following paragraph:

“32. An issue in respect of securities of a foreign corporation or a foreign unit trust scheme whose securities or any class of securities having gained admission on an exchange outside Malaysia which is specified by the Commission, made to existing securities holders of such foreign corporation or foreign unit trust scheme by means of a rights issue, provided that such issue has been accompanied by a prospectus or disclosure document approved or registered by, or lodged with, the foreign supervisory authority of the foreign corporation or foreign unit trust scheme.”;

(g) by substituting for paragraph 33 the following paragraph:

“33. An issue of securities where no consideration (whether in cash or otherwise) is or will be given for the issue of such securities.”;

(h) by inserting after paragraph 33 the following paragraphs:

“34. An issue made by or to the Corporation as defined in the International Islamic Liquidity Management Corporation Act 2011.

35. An issue in respect of securities of a corporation made to existing securities holders of the corporation by means of a non-renounceable rights issue or a rights issue which is renounceable in favour of the existing securities holders only.”.

### **Amendment of Schedule 8**

5. Schedule 8 to the principal Act is amended—

(a) in paragraph 5, by substituting for the word “trades” the word “transactions”; and

(b) by inserting after paragraph 13 the following paragraph:

“14. An issue of, offer for subscription or purchase of, or invitation to subscribe for or purchase, debenture made by or to the Corporation as defined in the International Islamic Liquidity Management Corporation Act 2011.”.

### **Pending applications for approval, authorization or recognition**

6. An application for an approval, authorization or recognition of any proposal to make available, offer for subscription or purchase of, or issue an invitation to subscribe for or purchase, any capital market product under Part 1 of Schedule 5 as introduced by this Order, that is pending immediately before the effective date of this Order shall be deemed as an application for an approval, authorization or recognition under Division 1A or 3A of Part VI of the Act respectively.

Made 1 June 2015

[KK/SID/P/(S)/483/669/4(2); PN(PU2)662/IX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*